

02/07/1998

PM mahu temui ketua BN Melaka

Rahman Hashim

MELAKA, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mengadakan pertemuan dengan semua pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) negeri, pada 11 Julai ini.

Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, berkata selain itu, Perdana Menteri juga dijadual mengadakan pertemuan dengan pemimpin masyarakat, pegawai kerajaan serta wakil pertubuhan badan bukan kerajaan (NGO).

"Dalam pertemuan itu, Dr Mahathir dijangka menyampaikan amanat penting serta mendengar masalah atau pendapat yang mungkin dibangkitkan orang ramai," katanya di Seri Negeri, hari ini.

Bagaimanapun, Abu Zahar berkata, tempat pertemuan itu belum diputuskan tetapi kemungkinan di Auditorium Al-Azim.

Menurutnya, lebih 600 pemimpin parti politik dan pemimpin masyarakat dijangka menghadiri pertemuan itu.

Sementara itu, Abu Zahar menyerahkan kepada pucuk pimpinan parti untuk menentukan kedudukan Ahli Parlimen Jasin, Tun Ghafar Baba, diisytiharkan muflis oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, semalam.

Beliau berkata, oleh kerana perkara itu membabitkan perundangan, biarlah pucuk pimpinan parti membuat keputusan.

"Jika keputusan mahkamah ini boleh menjejaskan kedudukan Ghafar sebagai Ahli Parlimen, biarlah pucuk pimpinan parti menentukannya," katanya.

Semalam, Ghafar yang juga bekas Timbalan Perdana Menteri, bersama anaknya, Tamrin diisytiharkan muflis selepas gagal menjelaskan hutang RM2,409,863.02 kepada seorang ahli perniagaan.

Beliau yang berhutang kepada Pengarah Pengkalen Holdings Bhd, Datuk Choong Kok Min, sebanyak RM602,465.75 diisytiharkan muflis oleh Penolong Kanan Pendaftar, Harith Sam Mohamed Yasin.

Manakala Tamrin yang berhutang dengan Choong sebanyak RM1,807,397.27, diisytiharkan muflis oleh Penolong Kanan Pendaftar, S Kalyana Kumar, kelmarin selepas membenarkan petisen muflis yang dikemukakan oleh Choong.

(END)